

Mengekal warisan seiring pembangunan

Oleh Amirullah Andi Nur

HARI ini, 15 April bersamaan 8 Rabiulakhir, genap lima tahun kota bersejarah Melaka mendapat status bandar raya. Ini bermakna genap juga sudah lima tahun warga bandar raya ini menikmati pelbagai perubahan dan peningkatan daripada pengiktirafan itu.

Kalangan yang terbahit secara langsung dengan perkembangan bandaraya ini, pastinya berasa seperti baru semalam meraikan sambutan pertama kali pengiktirafan status itu pada 2003. Malam tadi, seperti empat tahun sebelumnya sambutan serupa diraikan lagi di Dataran Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) di Ayer Keroh.

Bagi segelintir rakyat negara ini yang berpeluang berkhidmat di bumi bertuah ini, pengalaman menyaksikan pelbagai acara menarik disusun bagi majlis sambutan ulang tahun kelima Bandaraya Melaka Bersejarah ini, termasuk kemuncaknya malam tadi, sememangnya sesuatu yang sukar dilupakan.

Sepanjang lima tahun bergelar bandaraya, kawasan ini yang terkenal kerana Kota A 'Famosa dan Bangunan Stadhuis menikmati transformasi pembangunan sangat memberangsangkan dalam pelbagai aspek. Mungkin ada pihak yang hendak menafikan, tetapi itulah hakikatnya. Seperti sering dikatakan 'seen is believing'.

Jika diselongkar sejarah Malaysia, kawasan ini didapati wujud sejak 600 tahun lalu dan adalah juga penempatan tertua di negara ini. Kedudukannya yang dianggap strategik ketika itu berjaya menarik pedagang dari seluruh dunia untuk singgah dan berniaga di situ.

Hari ini situasi itu juga tidak banyak berubah. Kota Melaka terus menjadi tumpuan bukan saja di kalangan pedagang atau pelabur, malah pelancong dari segenap pelusuk dunia bagi melihat pelbagai tinggalan sejarah penjajah seperti Portugis, Belanda dan Inggeris.

Sebab itu tidak menghairankan apabila statistik tahun lalu menunjukkan, seramai

Inn, Renaissance, Equatorial, Legacy, Majestic Malacca dan Mahkota. Tarikan terbaru pula menara tinjau seperti KL Tower iaitu Menara Taming Sari serta Malacca on Wheel.

Paling dinantikan penduduk negeri Hang Tuah ini, pastinya kemunculan sistem pengangkutan Aerorel bernilai RM586 juta yang bakal menghubungkan hampir semua lokasi pelancongan di bandar raya ini. Ia adalah yang pertama dibina negara ini dan Asia Tenggara.

Selain itu, sistem monorel bernilai RM57.6 juta akan turut dibina di pusat bandar raya ini bagi meningkatkan sistem pengangkutan sedia ada. Semuanya itu, bakal merancakkan lagi aktiviti ekonomi penduduk Bandaraya Melaka Bersejarah ini.

Dalam pada itu, sekalung tahniah seharusnya diucapkan kepada bekas Datuk Bandar Melaka Bersejarah pertama, Datuk Zaini Md Noor atas kejayaan cemerlang mentadbir bandar raya itu selama hampir lima tahun sebelum melepaskan jawatan itu pada 31 Januari lalu, berikutan kenaikan pangkat.

Ini terbukti sepanjang tempoh itu, banyak kejayaan membanggakan dikecapi MBMB selaku pentadbir bandar raya sama ada pada peringkat negeri dan kebangsaan.

Antaranya, Anugerah Kualiti Ketua Menteri Melaka pada 2003 dan 2005; Naib Johan Anugerah Kualiti Ketua Menteri Melaka sempena Hari Kualiti (2004); Naib Johan Anugerah Laman Web Sempena Hari Kualiti (2004); Johan Pertandingan Lanskap Negeri Melaka 2004 untuk kategori bangunan kerajaan; Naib Johan Kategori Taman Bandar (2004) dan Anugerah Khas 'Best Paymaster' (2007).

Bagi peringkat kebangsaan, MBMB menerima pengiktirafan Persijilan MS ISO 9001: 2000 pada 2004; Anugerah Bandar Lestari Kategori Perkhidmatan Bandaraya Terbaik (2005); Pengiktirafan Pelaksanaan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Pertama di Malaysia (2005);

Di samping itu, Penghargaan Khas Anugerah Perdana PBT 2006 (2005); Pengiktirafan Bandaraya Paling Mampan 2005, 2006 dan 2007; Anugerah Kualiti Perdana Pihak Berkuasa Tempatan 2006 dan Pengiktirafan Persijilan MS ISO 9001: 2000 UKAS.

Pastinya, warga bandar raya menanti dengan penuh debar dengan kehebatan bekas Pengurus Besar Yayasan Melaka, Yusof Jantan yang diberi mandat menggantikan Zaini untuk bergelar Datuk Bandar kedua, sejak lebih dua bulan lalu. Jika bersandarkan latar belakang, sememangnya beliau adalah calon paling sesuai untuk jawatan ini.

Ketika ditemui baru-baru ini, beliau yang kini berusia 43 tahun melahirkan harapan untuk melaksanakan tanggungjawabnya itu dengan sebaik mungkin terutama dalam memastikan kesinambungan pembangunan antara bandar dan desa.

Harapannya sebaik memikul tanggungjawab ini adalah untuk membawa MBMB mencapai pembangunan bertaraf global dan tidak lagi hanya tertumpu pembangunan pada peringkat tempatan selain menjadikan ia sebagai PBT yang responsif terhadap aduan awam.

"Saya juga akan meneruskan agenda pembangunan mampan dirancang sebelum ini. Saya mahu melihat tidak ada jurang antara bandar dan pinggir bandar. Semua pembangunan, di bandar dan luar bandar dilaksanakan sepenuhnya.

"Begitu juga, kita mahu MBMB sentiasa responsif terhadap aduan awam. Kita mahu MBMB membudayakan mesra pelanggan. Kadangkala ada aduan tetapi tiada jawapan diberikan menyebabkan pengadu tidak tahu apakah aduan mereka itu betul atau tidak.

"Adakah tindakan diambil mengikut undang-undang PBT dan sebagainya. Ini semua perlu dimaklumkan bersesuaian dengan konsep kerja MBMB iaitu cepat, fokus, fleksibel dan mesra atau 4F," katanya yang yakin MBMB mampu mencapai sasaran kutipan hasil cukai taksiran tahun ini RM80 juta kerana dalam tempoh tiga

bulan pertama tahun ini, jumlah kutipan hasil meningkat 16 peratus atau RM32 juta berbanding tahun lalu.

Dalam pada itu, warga kerja MBMB harus merenung nasihat Mohd Ali yang juga Arkitek Pembangunan Melaka Moden apabila meminta mereka meningkatkan lagi tahap perkhidmatannya terutama kepada rakyat, walaupun banyak kejayaan membanggakan sudah dicapai sepanjang lima tahun lalu.

Langkah itu, katanya, adalah selaras dengan matlamat menjadikan warga Bandaraya Melaka Bersejarah sebagai berkualiti dan kelas pertama, di samping selari dengan hasrat kerajaan negeri untuk menjadikan Melaka sebuah negeri maju pada 2010.

"Selain itu, MBMB perlu memastikan keindahan, keselesaan dan keselamatan warga bandar raya dan pengunjung sentiasa menjadi keutamaan. Pelbagai isu berbangkit juga perlu ditangani secara lebih menyeluruh dan komprehensif dengan membabitkan semua warganya dan perancangan yang teratur serta berkesan adalah satu cara terbaik untuk mengatasi setiap masalah yang timbul," katanya.

Nasihat Mohd Ali lagi, agar semua kemudahan yang ada, diurus dan diselia dengan teliti supaya warga bandar raya mendapat faedah sepenuhnya daripada setiap perancangan yang dilaksanakan selain kekal memelihara warisan sejarah yang ada untuk dinikmati pengancong.

"Sejajar dengan sambutan ulang tahun kelima ini, MBMB juga perlu meningkatkan lagi kecekapan bekerja menggunakan lebih banyak kemudahan teknologi dan komunikasi dalam memberikan perkhidmatan berkesan serta segala hasil dapat dipungut mengikut jadual," katanya.

Namun, semua usaha untuk meletakkan Melaka Bandaraya Bersejarah menerusi MBMB di tempat teratas termasuk dipilih sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada Julai ini, bergantung sepenuhnya sokongan semua pihak termasuk wakil rakyat pembangkang yang memenangi kawasan ini pada pilihan raya lalu.

enam juta pelancong mambanjiri Melaka, khususnya bandar raya berkenaan. Dan tahun ini, kerajaan negeri di bawah kepimpinan Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam mengunjurkan peningkatan kepada 6.8 juta orang pula.

Biarpun dalam usia muda seperti ini, Bandaraya Melaka Bersejarah boleh dianggap setanding dengan bandar raya lain di negara ini. Ia bukan lagi kota bersejarah untuk tatapan pelancong semata-mata, malah memiliki pelbagai tarikan dan kemudahan untuk penduduk mendiaminya dan menjalankan pelbagai kegiatan ekonomi.

Misalnya, dulu Sungai Melaka, adalah sungai terkotor di negara ini, tetapi menerusi projek pembangunan bernilai RM320 juta, ia bertukar menjadi terbersih dan tidak lama lagi bakal menjana perolehan sebanyak RM1bilion termasuk menerusi program river cruise.

Begitu juga, bandar lama atau China Town yang dulunya sepi, berubah menjadi tarikan utama selepas dijenamakan semula menjadi Jonker Walk. Tempat ini sesak pada hari Jumaat hingga Ahad, kerana terlalu ramai pengunjung bertumpu.

Pusat beli-belah terkenal seperti Tesco, Carefour, Giant, Parkson, Jusco, Mydin termasuk beroperasi 24 jam turut ada selain Dataran Pahlawan Melaka Megamall, Melaka Mall, Hang Tuah Mall dan Mahkota Parade serta Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) di Ayer Keroh.

Hotel bertaraf tiga hingga lima bintang juga banyak beroperasi seperti Holiday



JADI TUMPUAN: Bangunan Stadhuys di Bandar Hilir, Melaka.